

Soalan 1 mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.

- 1 (a) (i) Nyatakan pengertian insan. [2 markah]
 (ii) Jelaskan **dua** tanggungjawab insan terhadap Allah SWT. [4 markah]
 (b) (i) Apakah pengertian wahyu? [2 markah]
 (ii) Terangkan **dua** hikmah penurunan al-Quran secara berperingkat-peringkat. [4 markah]
 (c) Jelaskan **dua** ciri pemikiran yang menepati syariat. [4 markah]

Keadaan menjaga kenderaan motor semasa berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah

45. (1) Mana-mana orang yang apabila menjaga suatu kenderaan motor yang berada di jalan atau di tempat awam yang lain, tetapi tidak memandu kenderaan itu, tidak layak memandu kerana dia berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah

Seksyen 45 Akta 333
 AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

- (d) Pada pendapat anda, apakah akibat yang akan berlaku sekiranya akta di atas tidak dihiraukan oleh masyarakat Malaysia? [4 markah]
- 2 (a) (i) Senaraikan **dua** prinsip syumuliyah. [2 markah]
 (ii) Huraikan **dua** konsep syumuliyah dalam aspek sosial. [4 markah]
 (iii) Jelaskan **dua** contoh ibadah yang menunjukkan agama Islam bersifat sederhana. [4 markah]
 (b) (i) Senaraikan **dua** prinsip ‘alamiyyah [2 markah]
 (ii) Nyatakan **dua** bukti ajaran Islam bersifat ‘alamiyyah [4 markah]

Majikan melarang anda menutup aurat ketika bekerja bagi tujuan melariskan jualan.

- (c) Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang sepatutnya anda lakukan? [4 markah]

- 3 (a) (i) Nyatakan maksud negara Islam [2 markah]
(ii) Senaraikan **empat** elemen pembentukan negara Islam. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan pengertian sistem sosial Islam. [2 markah]
(ii) Jelaskan **dua** ciri sistem sosial Islam. [4 markah]
- (c) Huraikan **dua** peraturan keterangan yang perlu dipatuhi oleh hakim bagi mensabitkan kesalahan [4 markah]

Asas pemerintahan Islam berdasarkan al-Quran dan Hadis. Allah SWT adalah pemilik mutlak kuasa dan undang-undang, sementara manusia diamanahkan untuk menjalankan tugas sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi ini.

- (d) Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah anda dapat merealisasikannya dalam kehidupan di sekolah? [4 markah]
- 4 (a) (i) Apakah maksud harta ? [2 markah]
(ii) Jelaskan **dua** kesan memperolehi harta secara haram terhadap negara. [4 markah]
- (b) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan merosakkan harta [2 markah]
(ii) Jelaskan **dua** bentuk pencerobohan harta [4 markah]
- (c) (i) Jelaskan **dua** kebaikan muamalat kepada masyarakat [4 markah]

Kedudukan pemilikan ekuiti bumiputera membimbangkan. PM


BH Online: 13 Ogos 2020

- (ii) Pada pandangan anda, apakah akan berlaku jika situasi ini terus berlarutan. [4 markah]

5. (a) Nyatakan pengertian perundangan Islam (2 markah)
- (b) Fatwa akan dikeluarkan oleh Majlis Fatwa dan diwartakan untuk panduan umat Islam menjalani kehidupan seharian
- (i) Terangkan **dua** kepentingan fatwa. (4 markah)
- (ii) Jelaskan **dua** perbezaan diantara fatwa dan ijihad. (4 markah)
- (c) (i) Senaraikan **dua** sebab sesuatu ibadat yang dilakukan tidak diterima oleh Allah. (2 markah)
- (ii) Huraikan dua kepentingan ibadat dalam kehidupan seseorang. (4 markah)



- (d) Apakah implikasi yang akan terjadi sekiranya perbuatan di atas berleluasa dalam masyarakat kita? (4 markah)
- 6 (a) Senaraikan **empat** sumber penyelesaian masalah menurut Islam [4 markah]
- Antara amalan dalam penyelesaian masalah dalam Islam adalah melalui dakwah.
- (b) Jelaskan **tiga** cara berdakwah yang berkesan. [6 markah]



- (c) Bagaimanakah penghayatan ajaran Islam dapat mengatasi masalah di atas. [4 markah]
- (d) Terangkan **tiga** ciri penyelesaian masalah yang diterima oleh Islam. [6 markah]

- 7 (a) (i) Terangkan **dua** sebab manusia tidak diberikan kebebasan sepenuhnya dalam pemilikan sesuatu harta. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **tiga** peraturan dalam pemilikan harta yang ditetapkan oleh Islam [6 markah]
- (b) Nyatakan **empat** hak asasi manusia yang dijamin oleh agama Islam [4 markah]



- (c) Berdasarkan gambar di atas, huraikan perkaitan antara thabat dan murunah [6 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT